

BAB 7 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

7.1 Ciri-ciri Demokrasi Berparlimen

7.1a) Apakah yang dimaksudkan Raja Berperlembagaan? (Teks ms 161)

Kekal	Sistem pemerintahan yang mengekalkan raja sebagai pemerintah tertinggi dengan dibantu oleh Perdana Menteri
--------------	--

7.1b) Nyatakan dua corak pemerintahan negara demokrasi. (Teks ms 161)

i) Sistem Raja Berperlembagaan	ii) Sistem Republik
--------------------------------	---------------------

7.1c) Jelaskan ciri-ciri demokrasi berparlimen di Malaysia? (Teks ms 161)

Rakyat	Rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara manakala Raja-Raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat.
Peluang	Rakyat berpeluang membentuk kerajaan.
Pilih	Rakyat bebas memilih perwakilan melalui pilihan raya.
Sokong	Mereka berhak menyokong, mengekalkan atau menukar kerajaan yang sedia ada melalui pilihan raya.
Lambang	Raja-raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat.
Tertinggi	Raja menjadi pemerintah tertinggi negara dan negeri.
Kuasa	Kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga cabang iaitu badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman.
PM	Perdana Menteri menjadi ketua kerajaan.
Parlimen	Parlimen bertindak menggubal undang-undang negara.
Pilihan raya	Pilihan raya diadakan untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri.
Parti	Parti-parti politik ditubuhkan untuk menyatukan dan memelihara kepentingan kaum masing-masing.
Kebebasan	Menjamin kebebasan asasi rakyat seperti yang termaktub dalam perlembagaan negara.

7.1.1 Perlembagaan

7.1.1a) Apakah maksud perlembagaan? (Teks ms 162)

Tinggi	Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan.
Dokumen	Dokumen rasmi dan di dalamnya terkandung segala peraturan dan prinsip sebagai panduan kepada kerajaan untuk melaksanakan kuasanya dan mentadbir negara.
Jamin	Parti politik yang memerintah mendapat panduan hala tuju pentadbiran negara, menjamin dan menunaikan tanggungjawab kepada rakyat.

7.1.1b) Nyatakan kandungan Perlembagaan Malaysia? (Teks ms 162)

Perkara	Mengandungi 183 perkara seperti Senarai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Senarai Bersama, Institusi Yang di-Pertuan Agong, Parlimen, Jemaah Menteri dan Badan Kehakiman
----------------	--

7.1.1c) Apakah maksud keluhuran Perlembagaan? (Teks ms 163)

Agung	Keagungan dan ketertinggian undang-undang atau perlembagaan itu sendiri.
--------------	--

7.1.1d) Mengapakah perlembagaan negara dianggap luhur dan tinggi? (Teks ms 163)

Atasi	Perlembagaan Malaysia mengatasi kuasa Yang di-Pertuan Agong, Parlimen, Jemaah Menteri dan Mahkamah.
Canggih	Semua jenis undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia adalah tidak sah.
Selaras	Undang-undang negeri mestilah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan terdapat. Perkara 75 menyatakan, undang-undang negeri yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dengan sendirinya.
Batal	Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa kepada mahkamah untuk membatalkan akta yang diluluskan di luar bidang kuasa Parlimen atau bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia.
Sahih	Mahkamah berkuasa menentukan kesahihan setiap undang-undang bagi menjamin keluhuran dan ketertinggian Perlembagaan Malaysia.
Kuasa	Parlimen memperoleh kuasa daripada perlembagaan.
Takluk	Yang di-Pertuan Agong tertakluk kepada Perlembagaan Malaysia.

Asasi	Menjamin kebebasan asasi rakyat.
--------------	----------------------------------

7.1.1e) Huraikan kepentingan perlembagaan negara dalam menjamin keharmonian rakyat. (Teks ms 163-164)

Kestabilan	Perlembagaan berperanan untuk menjamin kestabilan sesebuah negara dengan menentukan rangka dan bentuk pentadbirannya.
Jamin	Membantu dan menjamin kecekapan, kejujuran, keadilan, ketelusan serta kelicinan pentadbiran dan pemerintahan sesebuah kerajaan.
Panduan	Setiap pemimpin memerlukan panduan semasa memerintah supaya pemerintahannya menepati kehendak perlembagaan dan aspirasi rakyat.
Taat	Perlembagaan Malaysia menjamin taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada negara.
Kerakyatan	Menyatakan seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain akan dilucutkan kewarganegaraannya dan boleh dilucutkan kerakyatannya jika terbukti tidak setia kepada negara ini
Asasi	Menjamin hak asasi dan kebebasan rakyat di negara ini.
Hak	Setiap warganegara mempunyai hak asasi dan kebebasan seperti berpersatuan, beragama dan memiliki harta.
Menjaga	Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
Istimewa	Hak istimewa dalam pemberian jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan serta pemberian lesen perniagaan dan perdagangan.
Abai	Tidak mengabaikan kaum-kaum yang lain.
Kerjasama	Menjamin kerjasama, kesepakatan, keadilan dan kepentingan bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri untuk diselaraskan tanpa sebarang perbalahan.
Canggih	Pembahagian ini menjelaskan Perlembagaan Negeri pula tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia.
Dipersoal	Menjamin kedudukan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah tidak dipersoalkan.
Khusus	Kerajaan persekutuan menggunakan senarai kuasanya dalam bidang pendidikan dan kesihatan untuk membantu memesatkan pembangunan di negeri Sarawak dan Sabah.

7.1.1f) Apakah perkara-perkara yang tidak boleh dipinda dalam perlembagaan Malaysia? (Teks ms 165)

Raja	Pemerintahan beraja sebagai ketua negara dan negeri.
Agama	Agama Islam sebagai agama rasmi negara.
Bahasa	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
Istimewa	Hak istimewa orang Melayu seperti pemberian jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, kemudahan pendidikan, pemberian lesen pemiagaan dan perdagangan

7.1.1g) Mengapakah perlembagaan negara dipinda dari semasa ke semasa. (Teks ms 165)

Lindung	Bertujuan untuk melindungi kepentingan rakyat, menjaga keselamatan negara dan melicinkan urusan pentadbiran negara.
Relevan	Supaya sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan semasa.
Munasabah	Pindaan ini juga menjadikan perlembagaan sebagai undang-undang yang munasabah dan kandungannya dipatuhi oleh rakyat dengan rela hati.
Melarang	Melarang perkara sensitif dipersoalkan secara terbuka antaranya pemerintahan beraja, agama Islam, kedudukan bahasa Melayu dan hak istimewa orang Melayu.
Hasutan	Meluluskan pindaan Akta Hasutan 1970 yang mengehadkan seseorang individu bercakap perkara sensitif yang boleh menimbulkan perbalahan antara kaum.
Keselamatan	Memelihara keselamatan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara kita.
Imuniti	Pemansuhan imuniti (kekebalan) bagi Yang di-Pertuan Agong dan Raja yang memerintah negeri daripada kesalahan jenayah.

7.1.1h) Bagaimanakah dan apakah perkara yang dipinda dalam Perlembagaan Negara? (Teks ms 166)

Kaedah Pertama

MRR	Persetujuan majoriti lebih suara dua pertiga Dewan Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-raja.
Tugas	Tugas dan kuasa Majlis Raja-Raja Melayu
Warganegara	Kewarganegaraan
Agong	Keutamaan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong,

BAB 7 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

	Raja-Raja dan Yang dipertua N egeri.
Istimewa	Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak.
Sempadan	Perubahan sempadan negeri.

Kaedah kedua

YDN	Persetujuan majoriti lebih suara dua pertiga Dewan Parlimen dan kelulusan Yang Dipertua N egeri Sarawak dan Sabah.
Mahkamah	Keanggotaan dan bidang kuasa Mahkamah Tinggi di Sarawak dan Sabah.
Kemasukan	Hak dan kuasa kepada kerajaan negeri tentang kuasa menahan kemasukan orang yang bukan dari Sarawak dan Sabah.
Perundangan	Perkara perundangan dan pemerintahan kuasa negeri, agama, bahasa dan hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah

Kaedah ketiga

Dua Pertiga	Persetujuan lebih suara dua pertiga Dewan Parlimen.
Sebut	Perkara yang tidak disebut dalam mana-mana tiga kaedah pindaan.

Kaedah keempat

Lebih	Persetujuan lebih suara Dewan Parlimen.
Ahli	Pindaan ladaul 2, 6 dan 7, Bahagian III tentang kewarganegaraan, bentuk sumpah, ikrar, pemilihan dan persaraan ahli Dewan N egera
Sempadan	Persempadanan semula kawasan pilihan raya.
Senarai	Pindaan Perkara 74 membolehkan meminda atau membuat undang-undang mengenai perkara yang disebut dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama.
Negeri	Membolehkan meminda atau membuat undang-undang oleh Dewan Undangan Negeri mengenai perkara berhubung Senarai Negeri atau Senarai Bersama yang diperuntukan oleh Perlembagaan.
Laksana	Perkara 76 Parlimen boleh membuat undang-undang dalam Senarai Negeri yang melibatkan pelaksanaan persetujuan, perjanjian atau konvensyen antara persekutuan dengan manamana negara lain

7.1.2a) Apakah yang dimaksudkan Raja Berpelembagaan? (Teks ms 167)

BAB 7 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

Beraja	Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.
---------------	---

7.1.2b) Apa anda faham dengan Yang di- Pertuan Agong? (Teks ms 167)

Jawatan	Jawatan yang wujud sejak tahun 1957.
Tonggak	Tonggak dan ketua utama negara.
Simbol	Menjadi simbol keutuhan dan perpaduan rakyat negara ini.
Nasihat	Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri.
Sendirian	Baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan.
Pilih	Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada sembilan buah Negeri Melayu secara bergilir-gilir selama lima tahun.
Peruntukan	Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.
MRM	Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

7.1.2c) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia. (Teks ms 168)

Mengetuai	Mengetuai tiga badan kerajaan iaitu Badan perundangan, Badan Perlaksana dan Badan Kehakiman.
Parlimen	Berkuasa memanggil persidangan parlimen dan membubarkanparlimen.
Bersenjata	Merupakan Ketua Tetinggi Angkatan Bersenjata.
Ampun	Berkuasa mengampun atau menangguh sesuatu hukuman terhadap sesuatu kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera.
Istimewa	Baginda bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak keistimewaan orang Melayu.
MRM	Boleh menitah Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan dan kehormatan serta kemuliaan Raja-Raja Melayu.
Islam	Ketua agama Islam bagi negeri banginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah.
PM	Mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri.
Lucut	Mempunyai kuasa melantik dan melucut jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri.

Darurat	Boleh mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah undang-undang X jika mendapati keselamatan negara terancam.
Pengerusi	Berkuasa melantik Pengerusi dan tiga orang Suruhanjaya Pilihan Raya, ahli Perkhidmatan Kehakiman serta Pengerusi dan Timbalam Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
Peguam	Bertanggungjawab melantik Peguam negara dan seorang Ketua Audit Negara bagi Persekutuan.
Tauliah	Mempunyai kuasa mentauliah duta-duta negara kita.

7.1.3 Kuasa Pemerintah

7.1.3a) Apakah fungsi Badan Perundangan? (Teks ms 171)

Gubal	Fungsi badan perundangan adalah menggubal undang-undang bagi menjamin keadilan dan kesejahteraan rakyat
--------------	---

7.1.3b) Apakah yang anda faham dengan Parlimen? (Teks ms 171)

Perundangan	Adalah badan perundangan yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di negara kita.
Terdiri	Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

7.1.3c) Nyatakan ciri-ciri Dewan Negara. (Teks ms 173)

Tertinggi	Dewan Negara atau Senat merupakan dewan tertinggi dalam sistem pemerintahan negara.
AbU	Dewan Negara mengandungi 69 orang ahli iaitu 26 orang ahli dipilih daripada 13 buah negeri dengan dua orang setiap negeri.
DUN	Ahli yang dipilih bukan daripada ahli Dewan Undangan Negeri.
Agong	Dua orang ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.
Individu	40 orang ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong yang terdiri daripada individu yang berjasa dan cemerlang dalam bidang profesional.
Senator	Ahli Dewan Negara digelar Senator ini mewakili setiap negeri dan mereka dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihan raya.
Tempoh	Seseorang Senatormemegangjawatan bagi tempoh tiga tahun.
Umur	Senator mestilah berumur sekurang-kurangnya 30 tahun.
Sama	TarafSenator sarna dengan Ahli Parlimen.
Menteri	Mereka bolehdilantik menjadi ahli JemaahMenteri.

7.1.3d) Terangkan ciri-ciri Dewan Rakyat. (Teks ms 172)

Pilih	Ahlinya dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum.
Wakili	Dewan Rakyat mengandungi 219 orang ahli yang mewakili semua kawasan pilihan raya di seluruh negara.
Tempoh	Tempoh jawatan bagi ahli Dewan Rakyat ialah lima tahun.
Tugas	Tugas utama Dewan Rakyat adalah menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.
Akta	Undang-undang yang dibuat oleh parlimen dinamai Akta.

7.1.3e) Bagaimanakah undang-undang di Parlimen diluluskan. (Teks ms 172)

Cadang	Dicadangkan oleh kementerian yang terlibat.
Gubal	Penggubalan rang undang-undang oleh Peguam Negara.
Tajuk	Pembacaan pertama di dewan Rakyat iaitu pembacaan tajuk rang undang-undang sahaja.
Bahas	Pembacaan kedua di Dewan Rakyat dan rang undang-undang ini dibahaskan.
Terperinci	Perbincangan secara terperinci rang undang-undang pada peringkatjawantankuasa di Dewan Negara.
Lulus	Pembacaan ketiga di Dewan Rakyat dengan mengadakan perbahasan sebelum diluluskan untuk dikemukakan kepada Dewan Negara.
Ulang	Pembentangan di Dewan N egera juga melalui proses yang sarna dengan Dewan Rakyat.
Perkenan	Penyerahan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negara kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan dan diturunkan cop mohor Negara
Warta	Pewartaan undang-undang dalam warta kerajaan untuk dikuatkuasakan.

7.1.3e) Apakah BadanPelaksana? (Teks ms 173)

Kabinet	Terdiri daripada Jemaah Menteri atau kabinet yang merupakan badan pelaksana dasar kerajaan.
----------------	---

7.1.3f) Apakah tugas Jemaah Menteri? (Teks ms 173)

Dasar	Membuat dasar tertinggi negara.
Gubal	Menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara.
Ketua	Perdana Menteri merupakan ketua Jemaah Menteri.

BAB 7 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

7.1.3g) **Jelaskan perjalanan kementerian sebagai Badan Pelaksana.**
(Teks ms 174)

PM	Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri juga mengetahui sesebuah atau beberapa kementerian.
T/jawab	Setiap kementerian bertanggungjawab menggubal dasar-dasar kerajaan.
Rancang	Merancang program pembangunan ekonomi dan sosial di negara kita.
Selaras	Menyelaras program pembangunan ekonomi dan sosial di negara kita.
Ketuai	Setiap kementerian diketuai oleh seorang Menteri dan dibantu oleh Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik.
Portfolio	Seseorang Menteri yang tidak diberikan tugas dalam kementerian tertentu dikenali sebagai Menteri Tak Berportfolio.
Khas	Kementerian ini diberikan tugas-tugas khas oleh Perdana Menteri.

7.1.3h) **Terangkan sistem perkhidmatan awam di Malaysia.**
(Teks ms 174)

KSN	Perkhidmatan awam di Malaysia diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara.
Awasi	Bertanggungjawab mengawasi perjalanan kementerian dan jabatan kerajaan.
KSK	Pada peringkat kementerian, pentadbirannya diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian.
Kakitangan	Beliau dibantu oleh kakitangan kerajaan yang dikenali sebagai kumpulan pegawai perkhidmatan awam.
Laksana	Semua kakitangan awam bertanggungjawab melaksanakan dasar dan tugas yang ditetapkan oleh kerajaan.
K/Pengarah	Jabatan kerajaan diketuai oleh Ketua Jabatan yang dikenali dengan gelaran Ketua Pengarah.
Jabatan	Sesebuah kementerian biasanya mempunyai jabatan pada peringkat pusat, negeri dan daerah.
Berkanun	Terdapat juga badan-badan kerajaan yang dikenali sebagai badan berkanun.
Separuh	Merupakan badan separuh kerajaan yang mempunyai kuasa autonomi tertentu.
Lembaga	Badan berkanun mempunyai peruntukan kewangan sendiri.
Tadbir	Ditadbir oleh sebuah Lembaga pengarah yang bertanggungjawab kepada Menteri yang berkenaan.
Cepat	Badan berkanun ini mempunyai pelbagai tugas dan tanggungjawab yang besar untuk mempercepatkan pentadbiran dan program

BAB 7 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

	pembangunan di bawah rancangan lima tahun kerajaan.
Contoh	Lembaga Kemajuan Petani Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan lain-lain.
Suruhanjaya	Beberapa suruhanjaya telah ditubuhkan untuk mengendalikan urusan pelantikan ke dalam perkhidmatan awam.
Pangkat	Suruhanjaya ini mengendalikan kenaikan pangkat kakitangan perkhidmatan awam.
Disiplin	Suruhanjaya ini bertanggungjawab memantau disiplin kakitangan perkhidmatan awam.
Contoh	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Majlis Angkatan Tentera.

7.1.3i) **Apakah fungsi Hadan Kehakiman di negara kita?**
(Teks ms 174-175)

Kuasa	Badan Kehakiman mempunyai kuasa mendengar serta menentukan perkara sivil dan jenayah, perkara sivil berkaitan dengan saman biasanya memerlukan affidavit, Perkara jenayah pula melibatkan kanun keseksaan.
Kesahihan	Badan Kehakiman boleh menentukan kesahihan undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan dan pihak badan pelaksana.
Mentafsir	Badan Kehakiman juga berkuasa mentafsir Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri.
Mahkamah	Mahkamah telah diwujudkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk melaksanakan tugas kehakiman di negara ini.
Isytihar	Mahkamah mengisytiharkan undang-undang bertulis Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri
Sah	Mempunyai kuasa mengisytiharkan sesuatu tindakan kerajaan tidak sah di sisi undang-undang.
Pinda	Mahkamah tidak boleh meminda undang-undang kerana perkara itu merupakan kuasa badan perundangan atau Parlimen.

7.1.3j) **Senaraikan ciri-ciri institusi kehakiman di negara kita.**
(Teks ms 175)

Jawatan	Tugas
1. Hakim	i) Semua hakim dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri.
	ii) Urusan pelantikan, kenaikan pangkat dan perlucutan jawatan terletak di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

	Baginda Yang di-Pertuan Agong
	iii) Seseorang hakim tidak boleh dipecat dengan sewenang-wenangnya tanpa sebarang sebab yang munasabah
	iv) Hakim tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam politik.
	v) Hakim dilindungi daripada pengaruh politik untuk menjamin
2. Peguam Negara	i) Penasihat undang-undang kerajaan.
	ii) Peguam Negara akan menjadi Pendakwa Raya atau Peguam Bela bagikerajaan
	iii) Peguam Negara dibantu oleh Pegawai Perkhidmatan Undang undang dan kehakiman

7.1.4 Pilihan Raya

7.1.4a) Apakah yang dimaksudkan dengan pilihan raya? (Teks ms 177)

Pilih	Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah samada di peringkat negeri atau di peringkat persekutuan.
--------------	--

7.1.4b) Apakah tujuan pilihan rayal umum diadakan. (Teks ms 177)

Bentuk	Membentuk kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan.
Pilih	Memilih ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

7.1.4c) Senaraikan pihak yang terlibat dalam pilihan raya di negara kita. (Teks ms 177)

i)	Suruhanjaya Pilihan Raya	ii)	Calon	iii)	Pengundi
----	--------------------------	-----	-------	------	----------

7.1.4d) Jelaskan sistem Pilihan Raya di Malaysia. (SPM 2004) (Teks ms 178)

S/Jaya	Pilihan raya dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.
Pilih	Proses' memilih wakil rakyat untuk memerintah sama ada pada peringkat negeri atau persekutuan.
Sulit	Pemilihan dilakukan secara sui it dengan menggunakan prosedur yang telus dan teratur.
Kira	Pengiraan undi dibuat secara terbuka dan keputusannya direkodkan.
Undi	Calon yang mendapat undi terbanyak dikira menang melalui sistem majoriti mudah.
Ciri	Pilihan raya merupakan ciri penting sistem demokrasi berparlimen.
Bebas	Suruhanjaya pilihan raya adalah badan bebas tanpa tekanan dari pihak

	parti pemerintah atau pembangkang.
Anggota	Keanggotaan SPR dilantik oleh yang Di Pertuan Agong.
Sempadan	SPR bertindak menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya, menjalankan pendaftaran dan mengendalikan pilihan raya.
Umum	Pilihan raya umum diadakan 5 tahun sekali.
Ahli	Pilihan raya umum diadakan untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri serentak di seluruh negara.
Asing	Pilihan raya umum di Sabah dan Sarawak diadakan secara berasingan.
Kecil	Pilihan raya kecil diadakan apabila berlaku kekosongan kerusi di mana-mana kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri disebabkan kematian, perletakan jawatan dan pelucutan jawatan.
Tempoh	Selepas kekosongan itu pilihan raya kecil mesti diadakan dalam masa 60 hari di semenanjung Malaysia dan 90 hari bagi Sabah dan Sarawak.
Kempen.	Calon daripada pelbagai parti yang bertanding dibenarkan berkempen
Tempoh	Tempoh berkempen adalah antara 7 hingga 15 hari sahaja.

7.1.4e) Terang tugas Surhanjaya Pilihan Raya. (Teks ms 177)

Adil	Menjamin pilihan raya yang adil dan bebas tanpa tekanan parti pemerintah atau pembangkang.
Sempadan	Menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya
Daftar	Menjalankan pendaftaran pemilih
Kendali	Mengendalikan pilihan raya sarna ada pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

7.1.4f) Nyatakan proses pilihan raya di jalan di negara kita. (Teks ms 178)

Bubar	PembubaranParlimenoleh Yangdi-PertuanAgong.
Tetapan	Penetapan tarikh penamaan calon dan pengundian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.
Penamaan	Penamaan calon-calon yang bertanding.
Manifesto	Penyediaan manifesto oleh parti-parti yang bertanding.
Kempen	Pelancaran kempen pilihanraya.
Tempat	Pengumuman tempat pengundian dan tempat pengiraan undi oleh SPR
Kertas	Pemberian kertas undi yang mengandungi lambang parti calon yang bakal dipilih kepada pengundi di tempat mengundi.
Buang	Pembuangan undi di mana pengundi akan memangkah calon piliharnya pada kertas undi dan memasukkan ke dalam peti undi.

Kira	Pengiraan undi calon yang bertanding.
Keputusan.	Pengumuman keputusan pilihan raya oleh Pegawai Pilihan Raya

7.1.4g) Terangkan syarat-syarat seseorang calon bertanding dalam pilihan raya. (SPM 2004) (Teks ms 179)

Warganegara	Seseorang yang ingin menjadi calon dalam pilihan raya mestilah warganegara Malaysia.
Umur	Berumur 21 tahun
Mastautin	Bennastautin <i>di</i> Malaysia
Sempurna	Sempurna akal.
Mufliis	Bukan orang yang muftis
Pegang	Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
Mahkamah	Tidak disabit dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah.
Kelayakan	Seseorang warganegara akan hilang kelayakannya sebagai ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri jika dihukum penjara tidak kurang daripada 12 bulan atau didenda tidak kurang daripada RM2000 dan belum mendapat pengampunan.
Bertanding	Calon-calon dalam sesuatu pilihan raya boleh bertanding atas nama parti atau atas nama individu sebagai calon bebas.
Kertas	Mereka harus mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon.

7.1.4h) Apakah syarat untuk seseorang itu menjadi pengundi? (Teks ms 179)

Daftar	Seseorang pengundi yang berkelayakan boleh mengundi jika namanya didaftarkan dalam Senarai Daftar Pemilih.
Umur	Menurut perkara 119 Perlembagaan Malaysia, seseorang warganegara yang berumur 21 tahun,
Mastautin.	Bermastautin atau tidak bermastautin
Tinggal	Tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri boleh mengundi dalam pilihan raya tersebut.
Sebuah	Seseorang pengundi hanya boleh mengundi dalam sebuah kawasan pilihan raya sahaja.
Pos	Perlembagaan membenarkan anggota pasukan keselamatan, pelajar di luar negara dan pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara mengundi melalui pos dengan syarat nama mereka terdaftar sebagai pengundi.

7.1.4i) Mengapakah pilihan raya penting kepada negara kita? (Teks ms 179)

Pilih	Proses memilih wakil rakyat untuk memerintah sarna ada pada peringkat negeri atau persekutuan.
Bebas	Warganegara Malaysia bebas memilih dan menganggotai mana-mana parti politik yang mereka gemari.
Demokrasi	Pilihan raya penting kepada semua warganegara dalam sistem pemerintahan demokrasi.
T/jawab	Setiap warganegara perlu bertanggungjawab mengambil tahu perkembangan politik semasa.
Libat	Mereka harus melibatkan diri dalam proses memilih pemimpin negara serta menentukan bentuk kerajaan dan corak pemerintahan demokrasi melalui pilihan raya.

7.1.5a) Parti-parti Politik di Tanah Melayu Sehingga Tahun 1963 (Teks ms 181-182)

Nama Parti, Tujuan Penubuhan dan Sejarah Ringkas

Malayan Democratic Union (MDU)

Menentang penubuhan Malayan Union.
Ditubuhkan oleh golongan profesional Cina pada bulan Disember 1945.
MDU merupakan pertubuhan bukan Melayu yang menentang Malayan Union kerana dianggap tidak demokratik.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

Menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union.
Melindungi dan menjaga kepentingan orang Melayu. - Mencapai kemerdekaan.
UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 untuk menubuhkan gagasan Malayan Union.
UMNO kemudian bekerjasama dengan parti MCA dan MIC menubuhkan Parti Perikatan.

Malayan Indian Congress (MIC)

Menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu.
Memperjuangkan kemajuan politik bersama-sama kaum lain.
Ditubuhkan pada bulan Ogos 1946.
Yang Dipertuanya ialah John Thivy.

Majlis Tindakan Bersama Tanah Melayu atau All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)

Menentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
Menyatukan Singapura dengan Tanah Melayu.
Menuntut kewarganegaraan yang sarna.
Ditubuhkan oleh beberapa persatuan bukan Melayu pada bulan September 1946.
Pengerusinya ialah Tan Cheng Lock dan setiausahanya ialah John Eber.

Hizbul Muslimin

Menubuhkan sebuah kerajaan Islam di Tanah Melayu yang merdeka.
Pertubuhan politik yang pertama antara tahun 1948 hingga awal tahun 1950-an.
Hizbul Muslimin bermaksud Pertubuhan Kaum Muslimin.
Diasaskan oleh Haji Abu Bakar al-Baqir.
Perjuangan Hizbul Muslimin kemudian disambung oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS).

Malayan Chinese Association (MCA)

Menjaga kepentingan politik kaum Cina di Tanah Melayu.
Bekerjasama menentang keganasan komunis di Tanah Melayu.
Ditubuhkan padatahun 1949.
Antara pengasasnya termasuklah Tan Cheng Lock, Yong Shook Lin, Kolonel Lee Hau Shik (H. S.Lee) dan Leong Yew Koh.

Parti Kemerdekaan Tanah Melayu atau Independence Malaya Party (IMP)

Menuntut supaya pilihan raya diadakan pada 1955.
Mahukan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1961.
Diasaskan oleh Dato' Onn Ja'afar pada bulan September 1951.
Merupakan parti berbilang bangsa. Parti IMP tidak mendapat sambutan.

Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)

Menubuhkan sebuah negara Islam di Tanah Melayu.
Menjadikan Islam sebagai agama rasmi.
Ditubuhkan pada 24 November 1951 di Kepala Batas, Seberang Perai.
Diasaskan oleh Haji Ahmad Fuad bin Hassan

Parti Buruh Se-Tanah Melayu

Menentang keganasan komunis.
Merancang kemerdekaan Tanah Melayu.
Ditubuhkan pada tahun 1952.
Presiden pertama ialah Mohamad Sopiee Ibrahim

Parti Negara

Mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dalam tempoh lima tahun.
Memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
Diasaskan oleh Dato' Onn Ja'afar pada bulan Februari 1954.
Parti ini menekankan kepentingan orang Melayu kerana Dato' Onn Ja'afar ingin mendapatkan semula sokongan masyarakat Melayu terhadapnya.

7.1.5b Parti-parti Politik di Sarawak Sehingga Tahun 1963 (Teks ms 182-183)

Nama Parti, Tujuan Penubuhan dan Sejarah Ringkas

Parti Kebangsaan Melayu Sarawak (PKTEKS MS)

Memupukkan kesetiaan dan perpaduan di kalangan semua kaum.
Ditubuhkan oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah pada awal tahun 1940-an.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)

Melahirkan perasaan taat setia.
Menyatukan kaum-kaum di Sarawak.
Mendapatkan kemerdekaan bagi Sarawak.
Ditubuhkan oleh Ong Kee Huidan Stephen Yong pada 12 Jun 1959

Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)

Mendapatkan kemerdekaan bagi Sarawak.
Ditubuhkan pada 10 April 1961 oleh Stephen Kalong Ningkan, ketua orang-orang dari Saribas.

Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)

Matlamat untuk membantu orang Dayak mencapai perpaduan dan menjaga hak mereka dalam Perlembagaan.
Meninggikan taraf hidup rakyat Sarawak.
Ditubuhkan oleh Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman, Abdul Rahman Yaakub dan Abdul Taib Mahmud pada tahun 1961

Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)

Menjaga hak dan kepentingan orang Dayak di Sarawak.
Ditubuhkan oleh Temenggung Jugah Anak Barieng pada bulan Julai 1962.

Parti Cina Sarawak (PCS)

Berusaha ke arah perpaduan.
Ditubuhkan pada bulan Julai 1962, oleh William Tan untuk menyatukan orang Cina dan menyokong gagasan Malaysia.

Parti Negeri Sarawak (PANAS)

Melindungi kaum bumiputera dan melindungi kedudukan mereka dalam bidang ekonomi, politik dan sosial.
Ditubuhkan oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha.
PANAS tidak dapat sokongan segolongan orang Melayu yang menentang penyerahan Sarawak.

7.1.5c Parti-parti Politik di Sabah Sehingga Tahun 1963

Nama Parti, Tujuan Penubuhan dan Sejarah Ringkas

Parti Kebangsaan Kadazan Bersatu (UNKO)

Menyatukan dan mengeratkan hubungan antara orang Kadazan Dusun agar mereka dapat berjuang bagi meningkatkan cita-cita mereka dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.
Diasaskan oleh Donald Stephens pada bulan Ogos 1961.

Parti Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)

Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
Memperjuangkan agama Islam sebagai agama rasmi.
Menukarkan nama Borneo Utara kepada Sabah.
Ditubuhkan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun pada bulan Disember 1961.
Parti ini menyokong gagasan Malaysia.
Mendapat sokongan kuat daripada kaum Sulu, Bajau, Kedayan dan Melayu Brunei

Parti Pasok Momogun

Melindungi hak kaum bumiputera di pedalaman.
Ditubuhkan pada tahun 1962.
Dipimpin oleh G.S. Sundang dan O.K.K. Sedomon.

Parti Cina Sabah atau Sabah Chinese Association (SCA)

Memelihara kepentingan masyarakat Cina di Sabah.
Parti Bersatu atau United Party dan Parti Demokrat atau Democrat Party telah bercantum menjadi Parti Cina Sabah (SCA)
Diasaskan oleh Khoo Siak Chiew dan Peter Chin.

7.2 Negara Persekutuan

7.2a) Apakah yang dimaksudkan Kerajaan Persekutuan? (Teks ms 184)

Negeri	Kerajaan Persekutuan bermaksud penyatuan beberapa buah negeri yang mempunyai sebuah Kerajaan Persekutuan serta beberapa buah Kerajaan Negeri.
---------------	---

7.2b) Apakah yang dimaksudkan Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama? (Teks ms 185)

Persekutuan	Senarai Persekutuan memuatkan bidang kuasa Persekutuan, iaitu hanya Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa terhadapnya.
Negeri	Senarai Negeri mengandungi bidang kuasa yang diperuntukkan kepada negeri, iaitu Kerajaan Negeri sahaja mempunyai kuasa terhadapnya.
Bersama	Senarai Bersama pula menurunkan bidang kuasa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Dalam bidang kuasa ini, kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa terhadapnya

7.2c) Nyatakan Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama (Teks ms 185)

Senarai Persekutuan

i)	Hal ehwal luar negeri	ii)	Pertahanan
iii)	Keselamatan dalam negeri	iv)	Pentadbiran dan keadilan
v)	kerakyatan negara	vi)	Pilihan raya
vii)	Kewangan	viii)	Pemiagaan, perdagangan dan perusahaan
ix)	perkapalan, pelayaran dan pengangkutan	x)	Jabatan ukur dan penyelidikan
xi)	Kerja raya dan tenaga pusat	xii)	Pelajaran
xiii)	Kesihatan	xiv)	Keselamatan buruh dan sosial
xv)	Orang Asli		

Senarai Negeri

i)	Undang-undang Islam	ii)	Tanah
iii)	Pertaniandan Perhutanan	iv)	Kerajaan tempatan
v)	Perkhidmatan tempatan	vi)	Kerajaan Negeri
vii)	Hari cuti negeri	viii)	Undang-undang negeri

Senarai Bersama

i)	Kebajikan sosial	ii)	Biasiswa
iii)	Taman Negara	iv)	Perancangan bandar dan wilayah
v)	Penjagaan Haiwan	vi)	kesihatan dan kebersihan awam

v)	Parit dan tali air	vi)	Pemulihan
vii)	Hiburan Awam	viii)	Perhubungan

7.2.1a) Nyatakan sistem pemerintahan Kerajaan Persekutuan. (Teks ms 186)

Tadbir	Perlembagaan Persekutuan memberikan peruntukan yang luas kepada Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pentadbiran negara.
Perkhidmatan	Bidang pentadbiran negara meliputi semua aspek perkhidmatan seperti perkhidmatan ekonomi, sosial, keselamatan dan pendidikan.
Pelaksana	Badan pelaksana atau eksekutif mempunyai tugas untuk menjalankan kuasa-kuasa eksekutif mengikut perlembagaan dan undang-undang yang sedia ada.
Eksekutif	Mengikut Perlembagaan Persekutuan, kuasa eksekutif bagi Kerajaan Persekutuan terletak pada Yang di-Pertuan Agong.
Menteri	Kabinet atau Jemaah Menteri ialah badan yang menjalankan kuasa eksekutif yang dipegang oleh Yang di-Pertuan Agong.
PM	Jemaah Menteri ini diketuai oleh seorang Perdana Menteri daripada kalangan ahli Dewan Rakyat.

7.2.2) Nyatakan sistem pemerintahan Kerajaan Negeri. (Teks ms 188)

Eksekutif	Perlembagaan Malaysia memperuntukkan kuasa eksekutif kepada setiap negeri.
Sultan	Kuasa eksekutif itu terletak pada Raja atau Sultan atau Yang Dipertua Negeri.
MB	Menteri Besar atau Ketua Menteri dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri daripada kalangan ahli Dewan Undangan Negeri yang mendapat kepercayaan majoriti ahli dewan.
Pentadbiran	Urusan pentadbiran peringkat negeri pula terletak pada perlembagaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia
Exco	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EX CO) di Semenanjung Malaysia, Majlis Tertinggi di Sarawak dan Kabinet di Sabah mengandungi sebilangan ahli DUN serta tiga orang pegawai kerajaan, iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri yang berperanan menjalankan dasar pentadbiran negara pada peringkat negeri

7.3 Lambang-Lambang Negara

7.3a) Nyatakan lambang-lambang negara kita Malaysia. (Teks ms 188)

i)	Jatanegara	ii)	Bendera kebangsaan	iii)	Lagu kebangsaan
----	------------	-----	--------------------	------	-----------------

7.3.1) Apakah maksud yang terdapat pada Jata N egara kita? (Teks ms 188)

Jalur	Empat jalur berlainan wama di tengah-tengah perisai merujuk kepada negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, dahulunya dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Warna hitam dan putih melambangkan negeri Pahang. Wama merah dan kuning melambangkan negeri Selangor. Wama hitam, putih dan kuning melambangkan negeri Perak. Wama merah, hitam dan kuning melambangkan Negeri Sembilan.
Keris	Lima bilah keris pada perisai melambangkan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor yang dahulunya dikenali sebagai N egeri- Negeri Melayu Tidak Bersekutu.
Pinang	Di bahagian kiri perisai terdapat sebatang pokok pinang yang mewakili negeri Pulau Pinang.
Kuning	Di atas perisai terdapat bulan sabit berwarna kuning yang bermaksud agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia dan bintang berpecah empat bel as melambangkan gabungan empat belas negeri dalam persekutuan Malaysia.
Pokok	Di bahagian kanan perisai pula terdapat pokok Melaka yang melambangkan negeri Melaka
Jata	Negeri Sarawak dan Sabah dilambangkan dengan jata negeri tersebut. Di antara lambang negeri Sarawak dan Sabah terdapat sekuntum bunga raya yang melambangkan bunga kebangsaan negara kita.
Harimau	Dua ekor harimau yang menyokong perisai itu bermaksud keberanian.
Cogan Kata	Di bawah perisai itu pula terdapat cogan kata, iaitu "Bersekutu Bertambah Mutu" yang bermaksud semangat permuafakatan akan mengeratkan lagi perpaduan antara negeri di Malaysia

7.3.2a) Jelaskan maksud yang tersirat pada bendera kita Malaysia. (Teks ms 189)

Berani	Merah melambangkan kedaulatan.
Kesucian	Putih melambangkan kesucian.
Jalur	Empat belas jalur wama merah dan putih melambangkan gabungan negeri di Malaysia.
Islam	Bulan sabit berwarna kuning melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi.
N egeri	Bintang berpecah empat belas melambangkan gabungan empat belas buah negeri dalam persekutuan Malaysia.
Daulat	Wama kuning melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu.
Perpaduan.	Warna biru melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum di negara kita

7.3.2b) Huraikan kepentingan jalur gemilang kepada negara kita Malaysia. (Teks ms 190)

Beza	Bendera kebangsaan membezakan Malaysia daripada negara lain.
Semangat	Berfungsi untuk membangkitkan semangat perjuangan.
Bangga	Bendera kebangsaan menimbulkan rasa bangga terhadap negara kita.
Taat	Jalur Gemilang sentiasa dikibarkan dalam majlis dan adat istiadat rasmi. Misalnya, pada Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, bendera Malaysia dikibarkan di semua bangunan kerajaan dan juga premis persendirian sebagai tanda ketaatan kita kepada rajadan negara.
Patriotik	Kita berasa menjadi lebih patriotik apabila Jalur Gemilang dikibarkan.
Semangat	Kita lebih bersemangat apabila setiap rakyat Malaysia menjadikan bendera kebangsaan sebagai simbol perpaduan, kebanggaan dan kedaulatan.
Baik	Sebagai warganegara Malaysia yang baik, kita bertanggungjawab menghargai, menghormati, memuliakan dan memahami maksud yang dilambangkan oleh bendera kebangsaan kita.

7.3.3) Terangkan sejarah perkembangan lagu kebangsaan kita. (Teks ms 191)

British	Sebelum merdeka lagu kebangsaan kita ialah lagu kebangsaan British, iaitu God Save the Queen.
Negaraku.	Lagu kebangsaan negara kita dikenali dengan tajuk Negaraku dicipta

BAB 7 SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA

	pada tahun 1957
Hakim	Pemilihan lagu ini dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang mengetuai sekumpulan jemaah hakim di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur.
Terang	Pasukan Pancaragam Polis Diraja telah memperkenalkan empat buah lagu, lagu Terang Bulan, iaitu lagu kebangsaan negeri Perak dipilih kerana mempunyai unsur kemelayuan.
Perkenan	Majlis Raja-Raja Melayu telah memperkenankan keputusan jemaah hakim tersebut.
Lirik	Lirik lagu kebangsaan ini telah digubah semula oleh Encik Saiful Bahri berdasarkan lagu Terang Bulan.
Kesetiaan	Lirik lagu kebangsaan negara menggambarkan kesetiaan rakyat yang tidak berbelah bagi kepada tanah air.
Syukur	Lirik lagu kebangsaan juga menuntut kita supaya bersyukur, taat kepada raja dan sanggup berkorban demi mempertahankan negara.
Patriotik	Lagu kebangsaan membangkitkan semangat patriotik dan cinta akan tanah air.
Bangga	Semua orang bangga dengan lagu kebangsaan negara.

=====TAMAT=====